



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1971
DR.60/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1971. Tajok ringkas.
2. Sekshen 9 (3) (d) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan per-bahasaan yang berikut sa-lepas sahaja perkataan "authority" yang terdapat di-hujong-nya—
"or of any company as defined in subsection (1) of section 4 of the Companies Act, 1965". Pindaan. 61/58.
3. Ordinan No. 57 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan. Peman-sokhan.

HURAIAN

Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan, Ordinan No. 57 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 bagi maksud membolehkan Gabnor atau Timbalan Gabnor (dengan kelulusan Menteri) di-lantek sa-bagai pengarah mana² sharikat yang di-daftar di-bawah Akta Sharikat, 1965.

2. Rang Undang² ini sa-mata² bertujuan untuk memasukkan pindaan itu dalam undang² yang kekal. [P.N. (U²) 198.]